

Industri penerbangan mampu berkembang

BH - 23/4/2006

Sekolah juruterbang mesti pastikan kualiti diiktiraf dunia: PM

Oleh Azmi Md Deros

LANGKAWI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Malaysia berkeupayaan menjadi pusat latihan juruterbang terkenal di rantau ini bagi memenuhi permintaan industri penerbangan tempatan dan antarabangsa yang berkembang pesat.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai hasrat itu, sekolah penerbangan yang ada perlu memastikan mereka mampu memberikan latihan berkualiti, selaras kehendak syarikat terbabit dalam industri berkenaan.

Katanya, beliau yakin sekolah penerbangan milik tempatan, HM Aerospace Sdn Bhd yang beroperasi di sini sejak Disember 2004 mampu merealisasikan hasrat itu kerana pusat latihan itu mendapat kepercayaan Penerbangan Malaysia (MAS) yang menghantar kadet juruterbangnya menjalani latihan di situ.

"Saya percaya sekolah ini bukan hanya memenuhi keperluan negara melahirkan juruterbang berkualiti, tetapi turut menerima pelatih juruterbang syarikat penerbangan di rantau Ase-

an," katanya berucap merasmikan Sekolah Penerbangan HM Aerospace Sdn Bhd, di sini, petang semalam.

Sekolah penerbangan itu dimiliki Kumpulan Syarikat Halim Mazmin. Hadir sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Pengerusi Eksekutif HM Aerospace, Tan Sri Halim Mohammad; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Pengarah Urusan MAS, Idris Jala.

Sekolah itu dibina dengan pelaburan RM45 juta, termasuk bagi pembelian 24 pesawat latihan baru, serta

“*Saya harap HM Aerospace dapat buktikan pelatih di sini adalah juruterbang yang baik dan tidak pernah mendapat kemalangan ketika memandu pesawat”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

pelbagai peralatan dan simulator latihan canggih.

Ia mengambil kumpulan pertama 16 kadet juruterbang MAS pada 26 Disember 2004 dan ketika ini mempunyai 207 kadet penerbangan yang sedang mengikuti latihan pelbagai peringkat.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan sayap penerbangan kepada 16 kadet juruterbang MAS yang berjaya menamatkan latihan selama 14 bulan.

Abdullah berkata, sekolah latihan seperti itu mempunyai peranan besar dalam konteks pembangunan industri penerbangan negara dan antarabangsa kerana permintaan untuk mendapatkan juruterbang terlatih sentiasa tinggi, sehingga menyebabkan MAS sering kehilangan juruterbangnya kepada syarikat lain.

"Kita tahu juruterbang adalah kumpulan profesional yang sangat diminati syarikat penerbangan, termasuk juga tuan punya kapal terbang sendiri dan syarikat baru beroperasi serta syarikat penerbangan yang membesarkan operasinya.

"Berikutan itu keperluan menda-

patkan juruterbang terlatih dan cekap yang mampu memandu pesawat dengan baik sentiasa tinggi dan dengan sebab itu kita perlu melahirkan lebih ramai juruterbang bagi memenuhi pasaran," katanya.

Beliau berkata, MAS yang menjadi syarikat penerbangan kebangsaan tidak dapat mengelak berdepan dengan situasi kehilangan juruterbang kerana syarikat lain sentiasa menawarkan gaji dan faedah lumayan.

Katanya, syarikat berkenaan bukan saja mengambil juruterbang MAS, malah pembantu juruterbang syarikat berkenaan.

"Cara paling berkesan mengatasi masalah kehilangan juruterbang ialah dengan melatih lebih ramai juruterbang sebagai jalan penyelesaian jangka panjang," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah dan Chan turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara MAS dan HM Aerospace yang bertujuan membolehkan sekolah penerbangan itu melatih kadet juruterbang untuk tempoh lima tahun, sehingga 2011.

Idris mewakili MAS, manakala HM Aerospace diwakili Halim.